

# Wakil rakyat boleh tolak pencen - PM

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas wakil rakyat yang mempunyai lebih daripada satu pencen boleh menolaknya jika mereka mempunyai tanggungjawab moral berbuat demikian, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, perkara itu terserah kepada individu berkenaan termasuk dalam kalangan yang pernah memegang jawatan menteri dan menteri besar sekiranya berasaskan langkah itu dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

Beliau berkata, pemansuhan pencen wakil rakyat buat masa ini memerlukan pindaan undang-undang jika perkara itu dimuktamadkan oleh kerajaan kelak.

"Orang mendapat gaji menteri, menteri besar dan pekerjaan di jabatan kerajaan tiga empat (pencen) paling kecil mungkin melihat keadaan ini memenuhi tanggungjawab moral menolak pencen lain dan memilih satu, terserah kepada mereka," katanya selepas Majlis Sambutan Jubli Intan Ulang Tahun ke-60 Zoo Negara, di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) yang berpandangan bayaran bulanan diberikan kepada bekas wakil rakyat perlu diteruskan.

Presidennya, Tan Sri Abdul Aziz Rahman berkata, bayaran itu sebenarnya sumbangan kerajaan kepada mereka yang

**"Pemansuhan pencen wakil rakyat buat masa ini memerlukan pindaan undang-undang jika perkara itu dimuktamadkan oleh kerajaan kelak."**

## **ANWAR IBRAHIM**

menjadi wakil rakyat atau disebut *gratuity* (ganjaran), bukannya pencen seperti difahami sesetengah pihak.

Kelmarin, Anwar berkata, langkah memansuhkan pencen penjawat awam juga akan terpakai terhadap ahli-ahli politik termasuk wakil rakyat.

Mengenai Palestin, Anwar berkata, Malaysia akan melakukan apa sahaja untuk membela nasib rakyat Palestin tidak hanya gesaan gencatan senjata, malah mahu Palestin diterima sebagai anggota penuh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, negara ini menyambut baik keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang menetapkan Israel mesti menghalang semua kemungkinan tindakan pembunuhan beramai-ramai di Gaza.

"Malaysia akan terus memantau dan lakukan apa sa-

haja seperti mana disuarakan Menteri Luar di sidang PBB New York beberapa hari lalu katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau akan menghubungi Presiden China, Xi Jinping supaya tempoh pasangan haiwan panda Xing Xing dan Liang Liang yang dipinjamkan republik berkenaan kepada negara ini dilanjutkan.

"Saya optimistik bahawa China akan berikan pertimbangan dan sokongan kepada permintaan kita ini," katanya.

Mengikut jadual, Xing Xing dan Liang Liang dipinjamkan kepada Malaysia pada 2014 dan akan berada di Malaysia sehingga 20 Mei 2024.

Ditanya mengenai ada yang berpandangan kehadiran panda itu sebagai membazir dan sepatutnya dipulangkan, beliau menjelaskan, Malaysia tidak membayar harga panda berkenaan.

"Kita tidak bayar harga panda itu, cuma penjagaannya sahaja dan kalau ada kesediaan. Kadangkala ada orang cerdik pandai di Kuala Lumpur dia tak minat sebab dia boleh pergi ke negara China melihat panda.

"Namun bagi rakyat kebanyakan, mereka berasakan ini sahaja peluang sekali dan seumur hidup melihat panda. Jadi saya timbang dari segi itu," katanya.

Beliau turut mengumumkan sumbangan bernilai RM10 juta termasuk RM5 juta daripada kerajaan untuk menjaga dan memelihara haiwan di Zoo Negara.